

PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
NEGERI SABAH
ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 06 DISEMBER 2021, PUKUL 10:00 PAGI

Bil. 05

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- *1. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah strategi dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh kerajaan negeri untuk menghadapi kelembapan ekonomi sekarang.
- *2. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan Jabatan Air Sabah untuk mengatasi masalah kekurangan air masa hujan di pekan Ranau dan sekitarnya.
- *3. **YB. Tuan Fairuz bin Renddan [Pintasan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah usaha kerajaan dalam membantu golongan petani dan nelayan yang terjejas sumber pendapatan akibat pandemik COVID-19 dan bencana alam. Adakah terdapat insentif atau peruntukan khas untuk membantu golongan ini.
- *4. **YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bagaimanakah projek pembukaan lahan atau *land clearing* bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar di kawasan Semporna dilaksanakan sebelum mendapat persetujuan pemilik-pemilik tanah yang terlibat dalam projek tersebut.
- *5. **YB. Datuk Christina Liew [Api-Api]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
 - (a) apakah status semasa Program “Outreach” Vaksinasi di daerah Tawau; dan
 - (b) setakat ini, berapa buah kampungkah yang diliputi, dan berapa ramai orangkah yang telah divaksinasi melalui program ini.
- *6. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah rancangan kerajaan dari segi pendidikan, penajaan peluang pekerjaan dan usaha kerajaan mengurangkan pengangguran di Sabah pada masa akan datang.
- *7. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS**, adakah kerajaan merancang untuk membayar gaji atau elaun

bulanan kepada tenaga pengajar di semua institusi pondok dan madrasah persendirian yang berdaftar dengan JHEAINS.

- *8. **YB. Tuan Hassan A. Gani Pg Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah perkembangan terkini pelaksanaan pemasangan fiber optik (*fiberization*) di Sabah. Senaraikan nama agensi kerajaan, pemain industri yang dilesenkan oleh SKMM (MCMC) seperti GLC's negeri dan syarikat swasta yang terlibat serta dimanakah yang telah dan akan dilaksanakan.
- *9. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **MENTERI TUGAS-TUGAS KHAS:-**
- (a) apakah usaha pihak Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) / Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dalam membantu Jawatankuasa Penyelenggaraan atau Pengurusan Jenazah Islam; dan
 - (b) adakah setiap masjid diberikan peruntukan kewangan untuk kemudahan seperti bilik Penyelenggaraan Jenazah Islam yang dilengkapi dengan peralatan infra seperti tempat memandikan dan mengkafankan jenazah.
- *10. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN:-**
- (a) apakah plan pembangunan SOGIP dibawah halatuju kerajaan sekarang dalam rancangan Sabah Maju Jaya; dan
 - (b) apakah ada dan apakah jenis pelaburan yang telah membuat komitmen untuk melabur di SOGIP Sipitang.
- *11. **YB. Dr. Daud bin Hj. Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, projek Pan Borneo banyak memberi peluang pekerjaan oleh itu apakah usaha yang diambil bagi memastikan peluang pekerjaan dalam projek Pan Borneo itu diberikan kepada penduduk tempatan dan juga kontraktor tempatan.
- *12. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, berapakah pusat komuniti desa yang masih aktif dan apakah langkah kerajaan untuk membantu pusat komuniti desa tersebut.
- *13. **YB. Tuan Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, bilakah duta perlancongan Datuk Lee Chong Wei akan mulakan tugas beliau dan adakah kementerian hanya tumpukan perhatian dengan mempromosikan Kota Kinabalu, Kundasang serta Semporna sahaja.

- *14. **YB. Tuan Fairuz bin Renddan [Pintasan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN**, apakah usaha kerajaan dalam menambah rumah mampu milik atau perumahan rakyat dengan kos rendah di Sabah dan adakah terdapat perancangan untuk mewujudkan perumahan seperti ini.
- *15. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah perancangan kerajaan bagi memastikan prasarana sukan luar bandar mencukupi untuk keperluan masyarakat khususnya anak-anak muda
- *16. **YB. Datuk Seri Panglima Dr. Mohd Salleh bin Tun Said Keruak [Usukan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, berapa jumlah penerima bantuan geran khas yang diberikan kerajaan negeri kepada nelayan terutamanya di Kota Belud.
- *17. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- (a) apakah langkah-langkah untuk memastikan tuntutan tanah "*Native Customary Rights* (NCR)" diperakui dengan segera dan sistematik termasuk akses yang mudah kepada borang dan maklumat berkenaan permohonan tanah NCR tersebut; dan
 - (b) berapakah permohonan NCR diterima dan diproses dalam tahun 2010 – 2021.
- *18. **YB. Tuan Ruslan bin Muharam [Lumadan]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN/ MENTERI KEWANGAN II:-**
- (a) adakah pihak berkuasa tempatan boleh membantu dari segi membaik pulih atau membina rumah baharu pemilik rumah PPRT yang telah dibina lebih sepuluh (10) tahun; dan
 - (b) memandangkankan PPRT diselia oleh KPLB, dimanakah kuasa pihak berkuasa tempatan di bawah KPKT.
- *19. **YB. Tuan Peto Galim [Inanam]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apa sebabnya kenapa Pekan Manggatal tidak mempunyai bank dan apakah perancangan kerajaan berkaitan perkara ini.
- *20. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, melalui cadangan bajet tahun 2022, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kementerian dengan agensi-agensi kerajaan berkaitan untuk memastikan peratus kemiskinan di negeri ini dapat diturunkan.

- *21. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah perancangan kerajaan untuk memajukan tapak Mamut di daerah Ranau sebagai pusat pelancongan yang baharu.
- *22. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT:-**
- a) apakah kadar vaksinasi di Sabah, apakah perbandingan kadar vaksinasi di Sabah dengan Sarawak dan Semenanjung Malaysia; dan
 - (b) apakah sebabnya kadar vaksinasi di Sabah lebih rendah dibandingkan negeri-negeri lain.
- *23. **YB. Tuan Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, apakah langkah kerajaan untuk menyediakan pusat riadah di kawasan DUN Tempasuk sebagai contoh kawasan Kampung Sangkir Kota Belud memandangkan kawasan ini mempunyai potensi untuk dijadikan salah satu pusat riadah di kawasan DUN Tempasuk.
- *24. **YB. Datuk Wong Hon Jun [Tanjung Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN**, apakah rasional penjualan besi buruk ke luar Sabah dihentikan.
- *25. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah inisiatif-inisiatif yang telah dirancang dan telah dilaksanakan bagi mempergiatkan pemulihan sektor pelancongan Sabah dan nyatakan usaha untuk menggalakkan pelancong-pelancong domestik bercuti di Sabah.
- *26. **YB. Puan Rina Hj Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah statistik jumlah tanah di Sabah yang telah diwartakan kepada Kerajaan Pusat.
- *27. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan atau rancangan kerajaan untuk mengawal dan memperbaiki kawasan cerun yang mengalami tanah runtuh di kawasan Likas seperti di Taman Public, Chanyai Villa dan Bukit Bendera.
- *28. **YB. Dr. Daud bin Hj. Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah langkah-langkah penyelesaian masalah banjir yang salah satu faktornya ialah disebabkan oleh pembinaan lebuh raya Pan Borneo.

- *29. **YB. Tuan Fairuz bin Renddan [Pintasan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, tentang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Adakah potensi pelajar STEM dapat ditingkatkan masa pasca pandemik.
- *30. **YB. Puan Rina Hj Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, berapakah statistik dan jumlah terkini penduduk Sabah yang menerima dos penggalak COVID-19.
- *31. **YB. Tuan Tan Lee Fatt [Likas]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah rancangan kerajaan dalam menyelesaikan isu kutipan sampah dan tapak pelupusan sampah di Sabah.
- *32. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah rancangan dan strategi kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam, fasiliti kesihatan, pemakaian SOP dan kompaun serta bantuan rakyat yang berkaitan bagi menghadapi peralihan fasa dari pandemik kepada endemik COVID-19.
- *33. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II:-**
- (a) berapa banyakkah projek perumahan yang telah dan akan dilaksanakan di Sabah; dan
 - (b) jelaskan sama ada projek perumahan ini dapat menampung permintaan rakyat Sabah yang memerlukan perumahan.
- *34. **YB. Tuan Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perancangan kerajaan negeri untuk memastikan penguncupan ketara sebanyak -9.5% tidak berlanjutan dan ekonomi negeri Sabah dipulihkan untuk memastikan Negeri Sabah terkeluar daripada senarai negeri termiskin.
- *35. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status terkini mengenai balai polis di Pulau Bum-Bum, Semporna.
- *36. **YB. Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI KERJA RAYA I**, apakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mewajibkan kontraktor membaiki jalan raya pada waktu malam khususnya di kawasan bandar.
- *37. **YB. Tuan Mohammad bin Mohamarin [Banggi]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, mohon disusuli berkenaan status pembinaan Balai Bomba Pulau Banggi.

- *38. **YB. Tuan Dumi bin Pg. Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kementerian untuk selenggara tebing jalan pantai bandar Lahad Datu yang mendap dan dilimpahi air laut bila air pasang dan menyukarkan pengguna jalan raya.
- *39. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah rancangan dan inisiatif kerajaan negeri untuk memungut 40 peratus hasil Persekutuan di Sabah seperti mana dinyatakan dalam Perkara 112C & 112D Perlembagaan Persekutuan.
- *40. **YB. Tuan Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah langkah-langkah dan tindakan yang boleh diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu memajukan aktiviti pelancongan di kawasan DUN Tempasuk memandangkan kawasan DUN Tempasuk ini mempunyai tempat-tempat menarik seperti di Dulu Hill, Kg Kalibungan dan Monsinanad, Kg Rantai Rosok.
- *41. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- (a) status dan butiran “*Nature Conservation Agreement*” yang telah ditandatangani pada 30 Oktober 2021 antara Kerajaan Sabah dan Hoch Standard Pte Ltd; dan
 - (b) bagaimanakah proses mendapat izin dari masyarakat Orang Asal yang terlibat dalam penyediaan perjanjian tersebut.
- *42. **YB. Tuan Arunarnsin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, bilakah kerajaan akan menaik taraf jalan-jalan di kawasan DUN Gum-Gum seperti di Kg Dandulit – Kg Sungai Beruang – Kg Kuala Gum-Gum dan Kg Batu 19 – Kg Wawasan Desa – Kg Semawang.
- *43. **YB. Datuk Juil Nuatim [Limbahau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, dalam pelaksanaan Projek Bekalan Air Kota Kinabalu Fasa III, adakah kerajaan akan meneruskan pembinaan Empangan Kaiduan.
- *44. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah tindakan yang telah diambil ke atas pegawai kanan Jabatan Hidupan Liar berkaitan beberapa tuduhan gangguan seksual yang telah berlaku di Unit Perlindungan Hidupan Liar. Apakah langkah yang telah diambil untuk memastikan kes seperti ini tidak berulang lagi.

- *45. **YB. Datuk Ewon Benedick [Kadamaian]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah justifikasi kerajaan negeri menandatangani perjanjian perdagangan karbon tanpa mengadakan sesi libat urus dengan semua pemegang taruh termasuk badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti Anak Negeri terlebih dahulu dan apakah manfaat kepada Sabah serta unjuran hasil daripada perjanjian tersebut.
- *46. **YB. Tuan Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, bagaimanakah kerajaan menyelesaikan masalah capaian internet di kawasan luar bandar kerana terdapat banyak tempat di kawasan DUN Tempasuk mempunyai masalah mendapatkan kemudahan internet yang sesetengahnya ditahap kritikal seperti di Kg Kalibungan dan Kg Gontuong Mukim Rosok menyebabkan pelajar sukar mendapatkan maklumat dan tidak dapat mengikuti aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PDPR).
- *47. **YB. Tuan Arunarnsin Taib [Gum-Gum]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**
- (a) apakah status terkini pelaksanaan projek bekalan air bersih iaitu Projek Bekalan Air Zon Dandulit yang melibatkan beberapa buah kampung seperti:
 - i) Kg. Rancangan Luboh
 - ii) Kg Banting
 - iii) Kg Dandulit
 - iv) Kg Sungai Batang
 - v) Kg Kuala Gum-Gum
 - vi) Kg Tanjung Pisau
 - vii) Kg Lalasun
 - viii) Kg Semawang; dan
 - (b) bilakah kampung-kampung yang tersenarai di atas akan mendapat bekalan air bersih.
- *48. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kerajaan untuk menaik taraf jalan-jalan kampung di pinggir bandar seperti Jalan Kampung Masak, Jalan Kampung Limbawan, Jalan Kampung Lingkudau, Jalan Kampung Keningau, Jalan Kampung Muhibbah dan Jalan Senagang.
- *49. **YB. Datuk Raime Unggi [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, sejauh mana pertumbuhan ekonomi dapat dipacu menjelang berakhirnya PPU di negeri Sabah dan berapakah rizab kerajaan negeri yang disimpan.
- *50. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah faedah ekonomi yang akan diperoleh selain daripada jualan *Carbon Credit* daripada *Nature Conservation Agreement* dan bolehkah salinan perjanjian tersebut diagihkan kepada semua wakil rakyat untuk tujuan ketelusan.

- *51. **YB. Tuan Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status usaha dan tindakan kerajaan untuk mengatasi masalah kerosakan dan meningkatkan keupayaan loji-loji penapis air, kekurangan tangki penapis air terawat serta penyaluran air jernih yang kritikal di seluruh Sabah pada ketika ini.
- *52. **YB. Puan Rina Hj Jainal [Kukusan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah mekanisma kerajaan negeri dalam mengesan pengundi baharu 18 tahun.
- *53. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, adakah Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai sebarang rancangan untuk membersihkan dan menghalang sampah daripada berlonggok di kawasan Rancangan Rumah Murah Sim Sim, Kampung Berhala Darat Sim Sim dan Kampung Melayu Bumiputera Sim Sim di Jalan Buli Sim Sim Sandakan.
- *54. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, mengapa Majlis Perbandaran Sandakan (MPS) masih belum melepaskan bayaran kos pengekalan 5 peratus (*retention 5%*) kesemua projek dari Yang Berhormat selepas 12 bulan kepada kontraktor projek dari tahun 2018, 2019 dan 2020.
- *55. **YB. Datuk Juil Nuatim [Limbahau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perkembangan semasa dan tindakan seterusnya oleh kerajaan berkenaan Jalan Manggis Kaiduan Tampasak yang menghubungkan Kg. Tampasak ke Kg. Kaiduan sehingga ke Kg. Bisuang, papar, sepanjang 18 km yang diluluskan dalam Rolling Plan 4 (RP4) Rancangan Malaysia KeSebelas (RMKKe11) di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) biayaan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang dijangka kerja awalan dapat dilaksanakan pada tahun 2021.
- *56. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI PERTANIAN DAN PERIKANAN**, apakah senarai cadangan projek-projek tebatan banjir yang masih dalam perancangan dan kajian khasnya di DUN N.41 Liawan.
- *57. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah kerajaan negeri bersedia memberikan pelbagai bentuk suntikan yang sewajarnya serta bersifat merangsang melalui belanjawan tahun 2022 yang akan disalurkan kepada agensi-agensi kerajaan seperti LKTNS, LIGS, dan agensi- agensi lain.
- *58. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN**

II, mengapakah lampu jalan solar tidak dipasang di sepanjang lebuh raya dari Sandakan ke daerah-daerah lain.

- *59. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berkenaan perjanjian yang dilapor di media massa sebagai “*Nature Conservation Agreement*” (NCA) dan apakah kebbaikannya untuk Sabah dan rakyat Sabah.
- *60. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, adakah operasi Petronas di kawasan perairan Sabah mematuhi peruntukan berdasarkan perkara 2(c) Senarai II (*State list*) dalam Jadual ke Sembilan Perlembagaan Persekutuan, memandangkan permit dan lesen untuk mencari gali lombong; pajakan dan perakuan melombong adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri Sabah.
- *61. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, adakah kerajaan masih berhasrat untuk membina lebuh raya di persisiran Tawau dan adakah ia telah atau akan termasuk dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).
- *62. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah tindakan kerajaan keatas masalah jalan raya di kawasan perladangan / estet yang masih rosak dan menyebabkan pembangunan turut terjejas.
- *63. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah rancangan untuk penyelenggaraan dan pembaikan pulih terhadap kemudahan asas yang telah rosak atau tidak berfungsi seperti saliran, lampu dan kipas di Pasar Umum Sandakan.
- *64. **YB. Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berikutan perintah Mahkamah Tinggi kepada Sabah Forest Industries (SFI) untuk menggulung perniagaannya, apakah langkah seterusnya dari segi pengurusan tanah, bangunan dan kilang milik SFI.
- *65. **YB. Tuan Assaffal @ Samsul Kamal bin P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN:-**
- (a) apakah senarai cukai-cukai yang dikutip oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Sabah; dan
 - (b) berapakah jumlah kutipan bagi setiap cukai-cukai tersebut bagi tahun-tahun 2000 hingga 2021.

- *66. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah ada cadangan atau suntikan dana lebih berbentuk peruntukan khas yang tertumpu kepada kerjasama pihak kementerian dengan agensi-agensi kerajaan yang lebih bersifat G2G bagi memastikan proses kelancaran pembangunan terus bergerak.
- *67. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**
- a) apakah “Dasar Tenaga” bagi Sabah dan kementerian atau jabatannya; dan
 - (b) agensi Negeri Sabah manakah yang bertanggungjawab ke atas Dasar Tenaga di Sabah.
- *68. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, apakah peranan kerajaan dalam memastikan kawasan/bahagian tanah yang telah dikhaskan sebagai kawasan lapang (*Open Space*) dalam setiap pembangunan dikekalkan sebagai kawasan lapang (*Open Space*).
- *69. **YB. Tuan Chong Chen Bin [Tanjong Kapor]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- (a) merujuk peruntukan dalam Perkara 2 Perlembagaan Persekutuan, adakah Territorial Sea Act 2012 (TSA) mengubah sempadan Sabah untuk menghadkan bidang kuasa Negeri kepada hanya 3 batu nautika (5.5km) dari persisiran; dan
 - (b) adakah *TSA2012 ultra vires* Perlembagaan Persekutuan dan terbatal dan tidak berkuatkuasa.
- *70. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, sekiranya kerajaan Sabah boleh mengemukakan laporan tahunan kepada umum Penyata Kewangan Sabah yang memberikan perincian pendapatan dan perbelanjaan kerajaan memandangkan Sabah adalah sebuah wilayah yang kaya dengan sumber asli dan alam semulajadinya tetapi kerap kekurangan peruntukan disebabkan oleh ketidaktirisan.
- *71. **YB. Tuan Mokran bin Ingkat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA:-**
- (a) adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk melaksanakan penaik tarafan jalan-jalan *gravel* dalam tempoh RMK-12 dalam kawasan DUN N.51 Sungai Manila; dan

- (b) apakah tindakan Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk memastikan jalan raya menghubungkan Kg. Dandulit Pekan Muhibbah tidak mengalami kerosakan.
- *72. **YB. Tuan Phoong Jin Zhe [LUYANG]** bertanya kepada **KETUA MENTERI** apakah justifikasi dan kelebihan perjanjian 'carbon trade deal' antara kerajaan Negeri Sabah dan syarikat Australia Tierra Australia yang melibatkan 2 juta hektar hutan simpanan di Sabah.
- *73. **YB. Tuan Justin Wong Yung Bin [Sri Tanjong]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI KERJA RAYA**, apakah perancangan kerajaan dalam menyelesaikan masalah bekalan air di Jalan Sin On Tiku.
- *74. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN / MENTERI KEWANGAN II**, bagaimanakah permohonan peruntukan untuk mengatasi masalah tanah runtuh di Taman Indah, Taman Melrose dan Taman Grandview (kawasan Elopura, Sandakan).

* Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.
